

Headline	SELIA-TEK Sasar tembusi Singapura, Asia Barat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	27,30
ArticleSize	364 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,497		



# SELIA-TEK

Sasar tembusi Singapura,  
Asia Barat **Ms.30**

## Selia-Tek mahu ke Singapura, Asia Barat

**Selia-Tek** Holdings Sdn Bhd, pengeluar peralatan industri, merancang memperluaskan pasaran eksportnya ke Singapura dan Asia Barat tahun ini, terutama menerusi produk perubatan pakai buang.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Kasim Sotin, berkata produk berkenaan kini menjadi penyumbang utama perniagaan syarikat, selain segmen kabel elektrik yang dibekalkan kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Katanya, berdasarkan permintaan semasa, syarikat merancang memperluaskan produk perubatan pakai buang seperti jarum dan picagari selain bekas simpanan darah ke pasaran Asia Barat dan Singapura.

"Sebelum ini, produk perubatan kami sudah memasuki pasaran United Kingdom, Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Kemboja," katanya selepas lawatan kerja delegasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di kilang serta

pejabat Selia-Tek di Petaling Jaya, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri MITI, Datuk Ahmad Maslan.

Kasim berkata, setakat ini, 80 peratus keluaran Selia-Tek adalah bagi pasaran domestik, manakala bakinya di eksport.

Beliau berkata, syarikat menyasarkan jualan bernilai RM60 juta pada tahun ini, dipacu dengan perkembangan perniagaan peralatan perubatan pakai buang.

"Perniagaan peralatan kesihatan kini menjadi tumpuan kami berikutan produk kesihatan syarikat memenuhi piawaian antarabangsa yang boleh diguna pakai di pelbagai negara.

"Lebih 60 peratus perniagaan kami adalah disumbangkan daripada segmen kesihatan," katanya sambil menambah syarikat juga berharap untuk meningkatkan nilai eksport kepada RM10 juta hingga RM12 juta tahun ini, berbanding RM8 juta tahun lalu.


Fakta  
nombor

**80 PERATUS**  
keluaran Selia-Tek adalah bagi pasaran domestik

**RM60 JUTA**  
sasaran jualan syarikat pada tahun 2017

**60 PERATUS**  
perniagaan disumbangkan daripada segmen kesihatan

Headline	SELIA-TEK Sasar tembusi Singapura, Asia Barat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	27,30
ArticleSize	364 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,497		



[ FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH ]

**Ahmad bersama Adun Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah Borhan diiringi Kasim (tengah) melawat kilang Selia-Tek di Petaling Jaya, semalam.**

